



**PENILAIAN KANDUNGAN TEKS NOVEL MATA PELAJARAN
KESUSASTERAAN MELAYU BERDASARKAN
GAGASAN PERSURATAN BARU**

Oleh

MUHAMMAD ZARIF HASSAN@ZULKIFLI

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2022

FBMK 2022 69

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENILAIAN KANDUNGAN TEKS NOVEL MATA PELAJARAN
KESUSASTERAAAN MELAYU BERDASARKAN
GAGASAN PERSURATAN BARU**

Oleh

MUHAMMAD ZARIF HASSAN@ZULKIFLI

September 2022

Pengerusi : Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini mengamati adanya polemik dan pertikaian tentang kualiti kandungan teks-teks novel mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang terserlah dalam kajian-kajian ilmiah sedia ada. Di satu pihak, novel-novel yang dipilih sebagai teks dianggap sesuai kerana menyampaikan ilmu, memaparkan nilai-nilai murni dan bertepatan dengan matlamat pendidikan negara. Di pihak yang lain, novel-novel yang terpilih itu dikatakan tidak mengandungi ilmu, serta memaparkan nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam dan skema moral yang diperakukan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu (SPKM). Dengan permasalahan ini, kajian ini menggariskan tiga objektif, iaitu menganalisis isi kandungan novel-novel yang dipilih sebagai teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, menghuraikan nilai-nilai yang dimanifestasikan dalam novel-novel itu, dan menilai kandungan novel-novel yang berdasarkan gagasan Persuratan Baru. Kajian ini meneliti lima novel teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dari tahun 1992 hingga kini, iaitu *Mereka Yang Tertewas* karya Hasanuddin Md. Isa, *Restu* karya Ismail Kassan, *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abd. Rashid, *Dari Lembah Ke Puncak* karya Ghazali Lateh dan *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan. Bagi meneliti teks-teks ini, kajian menggunakan analisis teks sebagai metodologi kajian dengan menerapkan Persuratan Baru (PB) sebagai kerangka analisis. PB menawarkan alat-alat analisis yang praktikal bagi tujuan analisis teks iaitu “Paksi Naratif”, “Ruang Naratif”, “Isian Wacana”, “Isian Cerita” dan “*Taklif*” (Kebertanggungjawaban manusia dengan janji untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT). Dengan menerapkan alat-alat analisis PB, kajian ini dapat memperincikan isi kandungan novel-novel yang dikaji. Dalam konteks ini, kajian ini mendapati bahawa rata-rata novel yang dikaji memilih kejahatan dan kelemahan manusia sebagai “Paksi Naratif”. “Paksi Naratif” sedemikian didapati mempengaruhi pengisian “Ruang Naratif” novel-novel yang dikaji, yang rata-rata diisi dengan “Isian Cerita” melalui manipulasi dua alat penceritaan yang dominan, iaitu aspek Watak dan aspek Plot. Isi kandungan novel yang sedemikian dengan sendirinya menjadikan soal kejahatan dan tingkah laku tidak bermoral sebagai manifestasi yang terserlah dengan ketara dalam novel-novel teks mata pelajaran

Kesusasteraan Melayu yang dikaji. Seterusnya, kajian ini juga berhasil dalam menghuraikan nilai-nilai yang diperagakan dalam novel teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang dikaji. Dalam konteks ini, teks-teks yang dikaji didapati memperagakan nilai-nilai yang bukan sahaja bertentangan dengan Islam, tetapi turut bercanggah dengan skema moral sejagat yang diperakukan dalam FPK, KBSM, dan SPKM. Pemeragaan nilai-nilai negatif dan tidak bermoral ini jelas tidak memmanifesasikan fitrah kejadian manusia yang diciptakan dengan kecenderungan untuk berbuat baik. Akhir sekali, kajian ini berpendapat bahawa isi kandungan lima novel yang dikaji tidak berkualiti. Penilaian ini diasaskan pada penemuan bahawa isi kandungan teks-teks yang dikaji memberi keutamaan kepada cerita berbanding ilmu dan lebih menonjolkan nilai-nilai yang negatif dan jahat yang bertentangan dengan ajaran Islam dan skema moral sejagat. Kajian ini diharap mampu menyumbang penyelesaian terhadap permasalahan berkaitan kualiti kandungan teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**CONTENT EVALUATION OF MALAY LITERATURE TEXTBOOK NOVELS
BASED ON *PERSURATAN BARU* (GENUINE LITERATURE)**

By

MUHAMMAD ZARIF HASSAN@ZULKIFLI

September 2022

Chairman : Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study observes the polemics and disputes about the suitability of novels that have been selected as Malay literary texts for schools, as manifested in various academic studies. On the one hand, the novels selected are considered appropriate as texts because they convey knowledge, display noble values and coincide with the objective of national education. On the other hand, the selected novels claim not to convey knowledge, as well as display values that are contrary to Islam and the moral scheme endorsed by the National Education Philosophy (*Falsafah Pendidikan Kebangsaan*, henceforth FPK), The Integrated Curriculum for Secondary School (*Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*, henceforth KBSM) and Malay Literature Syllabus (Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu, henceforth SPKM). With the above research problems, this study outlines three objectives, namely to analyse the content of novels selected as Malay Literary Texts for Schools, elaborate the values manifested in the novels, and evaluate the content of the novels based on *Genuine Literature*. This study examines five novels of Malay Literary Texts for Schools from 1992 to date, namely *Mereka yang Tertewas* by Hasanuddin Md. Isa, *Restu* by Ismail Kassan, *Jeriji Kasih* by Ramlah Abd. Rashid, *Dari Lembah Ke Puncak* by Ghazali Lateh and *Naratif Ogonshoto* by Anwar Ridhwan. To examine these texts, this study utilises the “Textual Analysis Approach”, and thus applies by *Persuratan Baru* or PB (officially translated into English as “Genuine Literature”) as the analysis framework. PB offers practical analytical tools for textual analyses such as “*Paksi Naratif*” (Narrative Axis), “*Ruang Naratif*” (Narrative Space), “*Isian Wacana*” (Discourse Content) dan “*Isian Cerita*” (Story Content) and “*Taklif*” (Divine accountability and responsibility). By applying PB’s analysis tools, this study unravels the content of the novels under studied. In this context, this study finds that the studied novels choose human evil and weakness as the “Narrative Axis” (*Paksi Naratif*). The “Narrative Axis” (*Paksi Naratif*) affects the studied novels’ “Narrative Space” (*Ruang Naratif*) which is filled up with “Story Content” (*Isian Wacana*) via the manipulation of two dominant narrative devices i.e., Characters and Plot. This content highlights evil and immoral behaviour as prominent manifestations in the studied novels. This study is also able to summarize the values demonstrated in the novels selected as Malay Literary Texts for Schools. In this context, the studied novels foreground values

that are not only contrary to Islam, but also to the moral scheme which recognized by FPK, KBSM, and SPKM. The foregrounding of evil and immorality does not manifest the nature of human beings created with the tendency to do good (*fitrah* or man's natural inclination). Finally, this study argues that the content of the five novels studied lacks quality. This assessment is based on the discovery that the content of the texts studied gives priority to stories over knowledge and highlights negative and evil values that are against Islam and the universal moral scheme. It is hoped that this study will be able to contribute to a solution in dealing with the problems regarding the quality of the content of novel texts in the Malay Literature subject.



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين

Pertamanya, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allāh Subhānahū wa Ta'ālā kerana atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya, penyelidikan dan penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat Penyelia Utama saya, Prof. Madya. Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani yang dengan begitu gigih, dedikasi, dan ikhlas memberi tunjuk ajar, teguran, nasihat serta sokongan yang begitu tinggi sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan ini. Saya terhutang budi dan berterima kasih pada segala pengorbanan dan jasa beliau selama ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Salmah Jan Noor Muhammad dan Prof. Madya Dr. Ab. Halim Mohamad atas komen, nasihat, dan teguran yang membina sebagai Penyelia Bersama dalam Komuniti Penyeliaan Tesis saya ini.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Tan Sri Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas atas semua kuliah serta tulisannya yang telah banyak mengubah pandangan alam dan corak pemikiran saya khususnya berkaitan Islam dan kesusasteraan Melayu. Terima kasih juga saya panjangkan kepada Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud yang dengan ikhlas dan baik menjawab semua pertanyaan saya, khususnya berkaitan pandangan alam Islam dan beberapa pertanyaan berkaitan tesis yang saya usahakan ini. Tidak lupa kepada semua guru-guru WISE iaitu Prof. Dr. Zainy Uthman, Prof. Madya Dr. Khalif Muammar, Dr. Zaidi Ismail, Dr. Adi Setia, Dr. Sani Badron, Dr. Farid Shahrān, Dr. Syamsudin Arif, Dr. Wan Azhar Wan Ahmad, Dr. Ahmad Bazli Shafie, Dr. Roslan Jelani dan En. Asham Ahmad yang telah memberikan pencerahan intelektual yang sangat bermakna kepada saya.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Tuan Haji Mohd. Affandi Hassan, pencetus gagasan Persuratan Baru, yang saya manfaatkan gagasannya sebagai penyuluh dalam meneroka kegelapan rimba kesusasteraan Melayu. Terima kasih juga saya aturkan kepada Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir kerana sudi menjawab banyak pertanyaan berkaitan Persuratan Baru, meminjamkan bahan bacaan, dan memberi beberapa buku hasil tulisannya bagi memperdalamkan lagi pemahaman saya berkaitan Persuratan Baru.

Saya juga ingatkan merakamkan terima kasih kepada Universiti Putra Malaysia dan pihak pentadbiran Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, khususnya Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan yang memberi kepercayaan dan sokongan penuh dengan memberi pelbagai bentuk bantuan bagi membolehkan saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga kepada semua rakan-rakan yang tiada dapat saya sebutkan namanya satu persatu, yang telah banyak memberikan sokongan dan bantuan dalam saya menyiapkan tesis ini.

Sementara itu, rasa terima kasih kepada isteri tercinta, Nur Athirah Abd. Rahim yang sentiasa memberikan sokongan dengan menyediakan ruang yang selesa untuk saya menyiapkan tesis ini, selain turut menjaga cahaya mata kami iaitu Muhammad Harith, Muhammad Ilyas, dan Maryam dengan penuh kasih sayang.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan terima kasih serta kesyukuran ke hadrat Allāh Subhānahū wa Ta'ālā kerana mengurniakan ibu bapa iaitu Hassan@Zulkifli Abd. Majid dan Arpah Hj. Atan, yang begitu setia mendoakan agar saya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Ucapan yang sama saya majukan kepada keseluruhan ahli keluarga saya tidak pernah putus memberikan sokongan sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan ini. Semoga Allāh Subhānahū wa Ta'ālā senantiasa merahmati mereka semua di dunia dan di akhirat kelak.

Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli
UPM Serdang,
11 Mei 2022

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis adalah seperti berikut :

Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Salmah Jan Noor bin Muhammad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Ab. Halim bin Mohamad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 9 Februari 2023

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah- Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli,

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Mohd. Zariat bin Abdul Rani

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Salmah Jan binti Noor Muhammad

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Ab. Halim bin Mohamad

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1	PENDAHULUAN 1
1.1	Pengenalan 1
1.2	Polemik Pemilihan Teks Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu 4
1.3	Permasalahan Kajian 9
1.4	Persoalan Kajian 10
1.5	Objektif Kajian 11
1.6	Skop dan Batasan Kajian 11
1.7	Definisi Operasional 12
1.7.1	Penilaian 12
1.7.2	Kandungan 12
1.7.3	Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu 14
1.8	Organisasi Kajian 15
1.9	Kepentingan Kajian 16
2	SOROTAN LITERATUR 17
2.1	Pengenalan 17
2.2	Sorotan Terhadap Dokumen dan Kajian Lepas Berkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan 17
2.2.1	Paksi dan Konsep Asas Falsafah Pendidikan Kebangsaan 19
2.2.2	Matlamat Pendidikan Negara Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan 22
2.3	Sorotan Terhadap Dokumen dan Kajian Lepas Berkaitan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah 24
2.3.1	Matlamat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah 24
2.3.2	Konsep Bersepadu dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah 26
2.3.3	Prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah 26
2.3.4	Penekanan-penekanan Penting dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah 28
2.4	Sorotan Terhadap Dokumen dan Kajian Lepas Berkaitan Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu 31
2.4.1	Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu 32
2.4.2	Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu 33

2.5	Sorotan Terhadap Dokumen dan Kajian Lepas Berkaitan Peranan Novel sebagai Teks Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	36
2.6	Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Kriteria Pemilihan Teks Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	37
2.7	Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Teks-teks Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	39
2.7.1	Novel Mereka Yang Tertewas	39
2.7.2	Novel <i>Restu</i>	42
2.7.3	Novel <i>Jeriji Kasih</i>	44
2.7.4	Novel <i>Dari Lembah ke Puncak</i>	46
2.7.5	Novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	49
2.8	Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Persuratan Baru	53
2.9	Rumusan	56
3	METODOLOGI KAJIAN	57
3.1	Pengenalan	57
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.2.1	Justifikasi Pemilihan Persuratan Baru	58
3.3	Gagasan Persuratan Baru	59
3.3.1	Hakikat Insan	60
3.3.2	Hakikat Ilmu dan Amal	69
3.3.3	Hakikat dan Fungsi Sastera	74
3.4	Alat-alat Analisis	77
3.4.1	Paksi Naratif	77
3.4.2	Ruang Naratif	78
3.4.3	Isian Wacana	78
3.4.4	Isian Cerita	78
3.4.5	<i>Taklif</i>	79
3.5	Penentuan dan Pemilihan Bahan Kajian	80
3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian	81
3.6.1	Peringkat Persediaan	81
3.6.2	Peringkat Pelaksanaan	81
3.7	Rumusan	82
4	ANALISIS TEKS KAJIAN	84
4.1	Pengenalan	84
4.2	Analisis Novel <i>Mereka Yang Tertewas</i> Karya Hasanuddin Md. Isa	84
4.2.1	Analisis Kandungan Novel <i>Mereka Yang Tertewas</i>	85
4.2.2	Nilai-nilai dalam Novel <i>Mereka Yang Tertewas</i> Menurut “ <i>Taklif</i> ”	97
4.2.3	Penilaian Kandungan Novel <i>Mereka Yang Tertewas</i>	100
4.3	Analisis Novel <i>Restu</i> Karya Ismail Kassan	102
4.3.1	Analisis Kandungan Novel <i>Restu</i>	102
4.3.2	Nilai-nilai dalam Novel <i>Restu</i> Menurut “ <i>Taklif</i> ”	111
4.3.3	Penilaian Kandungan Novel <i>Restu</i>	114

4.4	Analisis Novel <i>Jeriji Kasih</i> Karya Ramlah Abd. Rashid	116
4.4.1	Analisis Kandungan Novel <i>Jeriji Kasih</i>	116
4.4.2	Nilai-nilai dalam Novel <i>Jeriji Kasih</i> Menurut “ <i>Taklif</i> ”	126
4.4.3	Penilaian Kandungan Novel <i>Jeriji Kasih</i>	129
4.5	Analisis Novel <i>Dari Lembah ke Puncak</i> Karya Ghazali Lateh	131
4.5.1	Analisis Kandungan Novel <i>Dari Lembah ke Puncak</i>	131
4.5.2	Nilai-nilai dalam Novel <i>Dari Lembah ke Puncak</i> Menurut “ <i>Taklif</i> ”	143
4.5.3	Penilaian Kandungan Novel <i>Dari Lembah ke Puncak</i>	146
4.6	Analisis Novel <i>Naratif Ogonshoto</i> Karya Anwar Ridhwan	148
4.6.1	Analisis Kandungan Novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	148
4.6.2	Nilai-Nilai dalam Novel <i>Naratif Ogonshoto</i> Menurut “ <i>Taklif</i> ”	160
4.6.3	Penilaian Kandungan Novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	165
4.7	Rumusan	171
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	173
	RUJUKAN	180
	LAMPIRAN	195
	BIODATA PELAJAR	199
	SENARAI PENERBITAN	200

SENARAI SINGKATAN

<i>DLKP</i>	<i>Dari Lembah ke Puncak</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPKM	Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu
<i>JK</i>	<i>Jeriji Kasih</i>
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KM	Kesusasteraan Melayu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia/Kementerian Pelajaran Malaysia
<i>MYT</i>	<i>Mereka Yang Tertewas</i>
<i>NO</i>	<i>Naratif Ogonshoto</i>
PB	Persuratan Baru
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SPKM	Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu
SAW	Ṣalla'LLāhu 'alayhi wa sallam
SWT	Subḥānahū wa Ta'ālā

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sebagai salah satu daripada genre sastera, novel telah dimanfaatkan sebagai bahan bacaan dan rujukan penting dalam mata pelajaran kesusasteraan Melayu di peringkat pendidikan menengah atas dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Pemanfaatan novel sebagai teks bacaan mempunyai pertalian yang rapat dengan perkembangan mata pelajaran kesusasteraan Melayu. Dari sudut sejarah perkembangannya, penggunaan novel sebagai teks mata pelajaran kesusasteraan Melayu agak sedikit lewat berbanding genre sastera lain kerana bentuk atau genre novel pada masa itu masih belum lagi dikenali (A. Wahab Ali, 1991).

Sejak zaman sebelum kemerdekaan dan sebelum tertubuhnya Sekolah Menengah Melayu, kesusasteraan Melayu telah mula diajarkan di Sekolah Rendah Melayu dan Sekolah Menengah Inggeris bagi murid-murid Tingkatan IV dan V (Siti Hawa Salleh, 1973). Antara teks klasik yang digunakan dalam kelas-kelas bacaan di Sekolah Rendah Melayu ialah *Chanai Bachaan*, manakala di Sekolah Menengah Inggeris pula, teks klasik yang dijadikan sebagai bahan rujukan ialah *Sejarah Melayu*, *Hikayat Awang Suluh Merah Muda*, *Bayan Budiman*, *Cerita-cerita Jenaka*, serta teks-teks lain yang diterbitkan pada waktu itu. Pada peringkat awal ini, pengajaran kesusasteraan Melayu lebih berpusatkan pembacaan teks atau karya klasik bagi tujuan mempertingkatkan kemahiran membaca serta pemahaman dalam kalangan murid-murid. Walau bagaimanapun, kesusasteraan Melayu di kedua-dua sekolah tersebut tidak diajarkan dalam suatu mata pelajaran khusus, tetapi sebagai bahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu (Siti Hawa Salleh, 1973; Asiah Abu Samah, 1982; Awang Had Salleh, 1989).

Selepas kemerdekaan, kesusasteraan Melayu telah mula diiktiraf sebagai suatu bidang pelajaran dalam sistem persekolahan di Malaysia. Mulai tahun 1957, kesusasteraan Melayu telah mula diperkenalkan di peringkat pendidikan menengah atas (tingkatan empat dan tingkatan lima) bagi peperiksaan *Federation of Malay Certificate* dengan kelonggaran menjawab dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris (Khatijah Abdul Hamid, 1980). Kemudiannya, dengan pengenalan sistem peperiksaan baharu iaitu Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) pada tahun 1962, kesusasteraan Melayu telah dimaktubkan sebagai mata pelajaran pilihan (*elective*) bagi murid-murid aliran sastera di Sekolah Menengah Melayu dan Sekolah Menengah Inggeris, dan calon diarahkan menjawab peperiksaan menggunakan Bahasa Melayu. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (KM) yang diajar pada peringkat tahap ini sebenarnya tidak berdasarkan kepada suatu sukatan pelajaran, akan tetapi berlandaskan sukatan peperiksaan yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan, yang pada waktu itu menjadi badan yang bertanggungjawab dalam mengendalikannya kurikulum kesusasteraan Melayu (Khatijah Abdul Hamid, 1980, 1988, 1989; Lembaga Peperiksaan, 1989). Keadaan ini berlangsung dalam suatu tempoh yang lama, iaitu sejak mula diperkenalkan dari tahun 1957 sehinggalah tahun 1984. Menurut Lembaga Peperiksaan (1989), pelaksanaan mata pelajaran KM dalam tempoh

tersebut didasarkan sepenuhnya kepada karya atau teks sastra yang telah ditetapkan, dengan fokus pengajaran dan pembelajaran ditumpukan sepenuhnya kepada soalan peperiksaan yang akan diuji dalam peperiksaan SPM. Teks-teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang digunakan pada waktu itu terdiri daripada karya sastra genre klasik, moden, dan puisi moden termasuklah novel.

Beberapa dekad selanjutnya, mata pelajaran KM telah mengalami perubahan yang agak ketara, kesan daripada penggubalan pelbagai dasar pendidikan negara. Pada pertengahan 1975, *Jawatankuasa Membentuk Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah* telah ditubuhkan bagi merangka dan membina suatu sukatan pelajaran kesusasteraan Melayu yang pertama di peringkat pendidikan menengah atas (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984: iii). Dalam proses pelaksanaan ini, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) yang ditubuhkan pada tahun 1973 ditugaskan secara rasmi sebagai badan induk dalam menjayakan matlamat tersebut. Usaha ini kemudiannya memperlihatkan buat julung kalinya sukatan pelajaran kesusasteraan Melayu (SPKM) dihasilkan dan dikenali sebagai *Sukatan Pelajaran Tingkatan IV dan V: Kesusasteraan Melayu (SPKM 1984)*, dan mula digunakan secara rasmi pada tahun 1985. Sepanjang mata pelajaran KM dilaksanakan berasaskan *SPKM 1984*, dua siri pertukaran teks mata pelajaran KM telah berjaya diusahakan oleh KPM iaitu pada tahun 1984 dan 1988. Dalam erti kata lain, terdapat dua novel yang telah digunakan sebagai teks mata pelajaran KM bagi mencapai matlamat yang ditetapkan dalam *SPKM 1984*.

Dalam perkembangan selanjutnya, suatu reformasi pendidikan telah dilakukan oleh KPM dengan memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula diimplementasikan secara menyeluruh pada tahun 1989 bagi menggantikan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Pelaksanaan KBSM ini sebenarnya merupakan kesinambungan daripada pembentukan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang telah dirintis lebih awal lagi di peringkat pendidikan rendah. Seiring dengan pelaksanaan KBSM ini, KPM juga telah memperkenalkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (pada peringkat awal pengenalannya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) berperanan sebagai tunjang kepada pembentukan keseluruhan dasar pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Secara dasarnya, FPK dirumuskan bertujuan untuk “memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dan segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988: 11). Dengan berteraskan FPK, matlamat KBSM juga digubal untuk “melahirkan insan yang baik” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988: 18). Matlamat “melahirkan insan yang baik” turut terkandung dalam sukatan pelajaran KM, sebagaimana akan dibincangkan secara komprehensif dalam bab seterusnya. Pada tahap ini, apa yang penting dijelaskan ialah bagaimana perumusan FPK dan pelaksanaan KBSM memberikan kesan yang cukup signifikan, khususnya kepada pembentukan sukatan pelajaran, dan pemilihan karya sastra seperti novel sebagai teks mata pelajaran KM.

Selepas daripada perumusan FPK dan pelaksanaan KBSM, KPM telah melakukan semakan dan penggubalan semula sukatan pelajaran kesusasteraan Melayu. Hasilnya, *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah: Kesusasteraan Melayu (SPKM 1991)* telah

diperkenalkan dan mula digunakan bermula tahun 1992 bagi menggantikan *SPKM 1984* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991a). Setelah lebih daripada sepuluh tahun penerapannya dalam sistem pendidikan kebangsaan, *SPKM 1991* telah disemak dan digantikan dengan suatu sukatan pelajaran baharu yang dikenali sebagai *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu (SPKM 2003)* pada tahun 2003 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a). Pengutaraan *SPKM 2003* telah memperlihatkan penzahiran suatu pernyataan falsafah pendidikan sastera Melayu yang khusus dan dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM), yang kekal diguna pakai sehingga hari ini.

Selanjutnya, KPM telah memperkenalkan kurikulum yang baharu di peringkat pendidikan menengah iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Di peringkat pendidikan menengah atas, pelaksanaan KBSM secara rasminya dimansuhkan setelah KSSM mula dilaksanakan pada tahun 2020. Seajar dengan pelaksanaan KSSM sebagai kurikulum induk di peringkat pendidikan menengah kini, nama mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (KM) telah ditukar secara rasmi kepada mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK). Penting untuk dijelaskan, walaupun nama rasminya kini ialah mata pelajaran KMK, akan tetapi dalam konteks kajian ini, istilah “mata pelajaran KM” akan dikekalkan bagi memastikan ketekalan sepanjang perbincangan.

Salah satu daripada aspek penting dalam semakan dan penggubalan *SPKM 1991* ialah pemilihan karya sastera pelbagai genre seperti prosa klasik, puisi, cerpen, drama dan novel sebagai teks mata pelajaran KM. Pada tahun 1991, sebanyak lima teks karya sastera telah dipilih sebagai teks mata pelajaran KM merangkumi sebuah novel (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991b). Pengumuman teks baharu bagi menggantikan teks yang dipilih pada tahun 1991 turut dilakukan pada tahun 2000 sebelum pelaksanaan *SPKM 2003*. Pada tahun 2009, Kementerian Pendidikan Malaysia (2009) telah mengumumkan teks mata pelajaran KM yang baharu bagi menggantikan teks yang telah mula digunakan sejak tahun 2001. Pengumuman teks mata pelajaran KM pada tahun 2009 memperlihatkan dua buah novel telah dipilih sebagai teks mata pelajaran KM, berbanding pada tahun-tahun sebelumnya, hanya sebuah novel sahaja dipilih sebagai teks. Walau bagaimanapun, penggunaan dua novel tersebut hanya kekal sehingga tahun 2015 apabila Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) mengumumkan teks mata pelajaran KM yang baharu dengan sebuah novel sahaja dipilih sebagai teks. Teks novel yang digunakan bagi mata pelajaran KM bermula tahun 2015 ini terus kekal diguna pakai bermula dari tahun 2020 sehingga berlaku pertukaran teks selanjutnya mengikut ketetapan oleh KPM kelak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Berbanding genre-genre sastera lain yang dipilih sebagai teks, novel menjadi antara genre yang mengundang penelitian lanjut kerana pemilihan genre ini sebagai teks mata pelajaran KM seringkali mengundang polemik dalam kalangan sarjana, pengkaji, dan pengkritik. Sehubungan itu, perbincangan selanjutnya akan meneliti polemik berkaitan teks mata pelajaran KM yang dicetuskan oleh sarjana, pengkritik, dan pengkaji sastera.

1.2 Polemik Pemilihan Teks Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu

Perbincangan pada bahagian ini dimulakan dengan meneliti tulisan Othman Puteh (1989) yang membincangkan soal pemilihan dan kualiti kandungan karya sastra sebagai teks mata pelajaran KM. Othman Puteh (1989) berpandangan bahawa kandungan teks sastra seperti novel, yang dipilih daripada karya yang diterbitkan di pasaran tidak menepati matlamat dan aspirasi mata pelajaran KM. Pandangan ini didasarkan kepada penelitiannya terhadap karya-karya yang memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1986-1987 yang kualiti kandungannya lemah merangkumi tema yang kurang sesuai, bersifat emosi, tidak mengangkat pemikiran, dan tidak memenuhi tuntutan sukatan pelajaran KM. Oleh itu, Othman Puteh (1989) menyimpulkan bahawa novel yang memenangi sesuatu pertandingan atau sayembara bukanlah jaminan bahawa kandungan karya tersebut berkualiti dan layak dijadikan sebagai teks mata pelajaran KM.

Seterusnya, perbincangan mengenai mutu kandungan beberapa teks mata pelajaran KM khususnya novel, turut mendapat perhatian Rahman Shaari (1985). Menurut Rahman Shaari, kandungan novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* yang dipilih KPM sebagai teks memaparkan logik penceritaan yang mengelirukan. Merujuk kepada *Drama Tiga Zaman* pula, Rahman Shaari (1985: 8) berpendapat bahawa teks tersebut tidak sesuai digunakan kerana “terlalu sukar untuk dikaji” dan “terlalu filosofikal dan simbolis”. Malah pada penilaian beliau, teks *Drama Tiga Zaman* turut mengandungi unsur-unsur lucu dan tidak sesuai diketengahkan kepada murid sekolah, seperti katanya: “Skrip “Di Pulau Sadandi” pula ada unsur erotis yang rasa-rasanya janggal benar untuk dikemukakan kepada para pelajar pada peringkat ini.” [huruf condong ditambah]. Dalam tulisannya yang lain pula, Rahman Shaari (1998) membangkitkan tentang kegagalan para panel dalam memilih novel yang berkualiti sebagai teks mata pelajaran KM. Sungguh pun pertumbuhan novel Melayu begitu pesat, akan tetapi novel yang dipilih dianggap masih tidak bermutu (Rahman Shaari, 1998: 173). Menurut Rahman Shaari, permasalahan ini tidak wajar dipandang remeh kerana murid-murid perlu didedahkan dengan karya sastra yang terbaik, dan bukannya sebaliknya. Rahman Shaari (1998: 176) juga beranggapan bahawa peranan teks mata pelajaran KM jauh lebih penting daripada penguasaan kaedah pengajaran yang berkesan. Ini kerana kaedah pengajaran yang berkesan sekali pun dianggap tidak memberikan kesan yang baik, sekiranya karya sastra yang dipilih tidak berkualiti, seperti yang ditulis oleh Rahman Shaari (1998: 170) berikut:

Buku teks sastra perlu diberi perhatian utama... kaedah mengajar dan pengujian juga penting, tetapi buku teks jauh lebih penting daripada itu... Jika kita berjaya memperoleh dan melaksanakan kaedah pengajaran yang cukup berkesan, tetapi buku teks yang digunakan itu lemah, hasilnya ialah kesalah tanggapan. Alangkah anehnya keadaan ini. Pelajar-pelajar dididik menghayati karya yang tidak bermutu, iaitu karya yang tidak perlu atau memang tidak dapat dihayati. [Garisian ditambah].

Atas pemahaman ini, Rahman Shaari menyarankan agar penelitian yang teliti perlu dilakukan sewaktu pemilihan teks-teks sastra seperti novel oleh panel yang berwibawa. Penekanan yang harus diberikan dalam memilih novel pada hemat Rahman Shaari,

sepatutnya meliputi soal nilai-nilai murni, nilai estetika, keagamaan, kemanusiaan, serta idea yang universal, dan bukannya novel yang hanya memaparkan “cerita dan propaganda” (ungkapan Rahman), seperti tulisnya berikut:

...pemilihan buku teks [sastera seperti novel] hendaklah cukup teliti. Sesebuah novel yang hendak dijadikan teks hendaklah terjamin nilai estetikanya, di samping memuatkan idea besar tentang kemanusiaan, keagamaan, dan nilai-nilai murni yang universal. Pemilihan buku teks hendaklah dilaksanakan dengan memberikan tumpuan terhadap aspek sastera, bukan aspek cerita dan propaganda [Garisian ditambah].

(Rahman Shaari, 1998: 169)

Seterusnya, perbincangan mengenai kelemahan kandungan teks mata pelajaran KM turut dibangkitkan oleh Hanapiah Sudin (1993). Pemilihan karya sastera seperti novel, pada hemat Hanapiah Sudin (1993: 66) tidak mempertimbangkan enam faktor penting iaitu [1] umur, [2] perkembangan jiwa, [3] keadaan emosi dan pengetahuan pelajar, [4] keperluan pelajar-pelajar, serta [5] tuntutan sosial dan [6] tuntutan moral. Hanapiah Sudin beranggapan jika enam faktor ini dapat dipenuhi, novel dianggap mampu mengembangkan daya imaginasi dan daya kreatif, selain dapat menyuburkan pertumbuhan emosi yang baik. Menurut Hanapiah Sudin lagi, novel yang dipilih perlu memperkayakan pengertian terhadap keindahan, kehidupan kemanusiaan dan kecintaan kepada Tuhan, memberikan kemungkinan untuk interpretasi, serta mengandungi amanat-amanat tertentu mempertajamkan daya fikiran dan daya kritis. Adalah jelas bahawa kritikan Hanapiah Sudin ini memberikan gambaran bahawa kandungan teks novel mata pelajaran KM yang dipilih masih tidak mempunyai kualiti dan tidak sesuai digunakan di sekolah.

Selanjutnya, pertikaian mengenai penggunaan teks novel dalam mata pelajaran KM turut diutarakan oleh dua orang sarjana sastera yang ditemu bual oleh Salbiah Ani (1999) dalam tulisan artikelnya bertajuk “Teks Sastera SPM Patut Ditukar”. Sohaimi Abd. Aziz dan Othman Puteh senada dalam membangkitkan kelemahan Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM yang dikatakan tidak menyemak serta menukar teks novel *Mereka Yang Tertewas* yang telah digunakan terlalu lama. Penggunaan novel *Mereka Yang Tertewas* selama sembilan tahun dianggap Othman Puteh (dalam Salbiah Ani, 1999: 6) telah “menimbulkan kebosanan kepada guru dan pelajar” dan sekali gus menjadikan “minat dan kegigihan guru dalam menyampaikan pelajaran sastera merosot”. Atas kelemahan ini, Sohaimi Abd. Aziz (dalam Salbiah Ani, 1999: 6) menyarankan agar “pakar sastera” di luar Jawatankuasa Penasihat dilantik bagi mengelakkan berlakunya pemilihan “karya kawan” atau berat sebelah. Bagi mengelakkan hal ini berlaku, Sohaimi Abd. Aziz menyarankan agar sayembara khusus perlu dianjurkan untuk memilih novel mata pelajaran KM.

Isu berkaitan pemilihan teks mata pelajaran KM turut dibahas oleh Awang Had Salleh (2000) yang menganggap bahawa permasalahan tersebut sebagai “amat kacau sekali” (Awang Had Salleh, 2000:3). Keadaan ini berlaku kerana pemilihan teks-teks sastera dilakukan berdasarkan genre dan pembahagian periode masa tertentu seperti

moden dan tradisional. Oleh kerana itu, Awang Had Salleh menyarankan agar teks-teks mata pelajaran KM dipilih berdasarkan “tema yang representatif” (ungkapan Awang Had Salleh), yang merujuk kepada “kebijaksanaan dan fikiran-fikiran besar dunia” (ungkapan Awang Had Salleh). Selain itu, Awang Had Salleh turut mengkritik dasar atau polisi yang membenarkan proses penyuntingan dilakukan terhadap karya-karya sastera yang terpilih. Beliau tidak bersetuju sekiranya sebuah karya itu disunting kerana dianggapnya boleh “merosakkan jalan cerita” (ungkapan Awang Had Salleh) sesebuah karya sastera seperti novel. Dengan pemahaman ini, Awang Had Salleh (2000: 6) menyatakan sekiranya sesuatu novel itu dipenuhi dengan unsur yang negatif, adalah wajar sekiranya novel tersebut ditolak dan tidak dipilih, seperti tegasnya berikut: “Dalam konteks teks sastera, permintaan memotong paragraf tertentu itu akan merosakkan jalan cerita. Oleh itu, bentuk asalnya patut dikekalkan... Jika pencemaran moral itu berat maka tolak sahaja buku itu seluruhnya.” [Garisian ditambah]. Kritikan Awang Had Salleh jelas memperlihatkan bahawa soal pemilihan teks mata pelajaran KM telah mencetuskan satu permasalahan yang rumit. Pemilihan yang berlandaskan periode sastera (tradisional vs moden) yang tegar dianggap telah memungkinkan karya-karya yang tidak mengandungi “kebijaksanaan dan fikiran-fikiran yang besar” (ungkapan Awang Had Salleh) dipilih sebagai teks.

Lanjutan daripada permasalahan di atas, pengamatan ini beralih kepada tiga artikel berbeza hasil tulisan Abdullah Puteh (2001), M. Jasni Majed (2001), dan Chew Fong Peng (2002) yang menganalisis novel *Restu* yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM. Abdullah Puteh dan M. Jasni Majed dilihat senada apabila menganggap bahawa cerita dalam *Restu* mengelirukan murid atas beberapa alasan. Antaranya menurut Abdullah Puteh (2001), penceritaan *Restu* mengandungi paradoks dari sudut latar tempat yang tidak konsisten, selain beberapa kelemahan novel khususnya dari sudut logik penceritaan. Kelemahan ini pada Abdullah Puteh (2001: 9), menjadikan “pelajar lebih pening kerana mereka sudah dipeningkan dengan beberapa kelemahan lain seperti logik atau tidaknya apa yang dipaparkan serta kadang kala berlaku pertukaran usia atau nama adik beradik Ikram [nama watak protagonis dalam *Restu*]”. Penceritaan novel *Restu* yang dikatakan tidak konsisten dan bercanggah ini turut diketengahkan M. Jasni Majed (2001), yang berpendapat nama watak dalam cerita novel bercanggah dan tidak tekal. Senada dengan Abdullah Puteh, M. Jasni Majed menegaskan bahawa kelemahan ini tidak wajar berlaku kerana boleh mengelirukan pembaca khususnya murid sekolah. Walau bagaimanapun, berbeza dengan Abdullah Puteh (2001) dan M. Jasni Majed (2001) yang mendedahkan kelemahan novel *Restu*, Chew Fong Peng (2002) sebaliknya berpendapat bahawa *Restu* mempunyai kualiti isi kandungan yang baik. Bagi Chew Fong Peng, *Restu* mengetengahkan gambaran watak dan keperibadian masyarakat “Melayu Baru” (ungkapan Chew Fong Peng) yang memartabatkan kepentingan pendidikan, gigih berjuang untuk mengatasi pelbagai rintangan hidup, serta menggunakan kebijaksanaan dalam mengatasi sesuatu masalah peribadi, sosial, serta negara. Penonjolan nilai-nilai murni serta pegangan agama yang kukuh menerusi watak utamanya mampu memperkukuhkan kredibiliti *Restu* sebagai teks mata pelajaran KM (Chew Fong Peng, 2002). Atas hujah ini, Chew Fong Peng berharap agar lebih banyak novel seperti *Restu* dapat diketengahkan dalam sistem pendidikan kebangsaan, khususnya dalam mata pelajaran KM.

Dalam tulisannya yang lain, Chew Fong Peng (2006) turut membincangkan mengenai permasalahan penting berkaitan teks mata pelajaran KM. Bagi Chew Fong Peng, murid-murid aliran kesusasteraan Melayu terbeban kerana harus membaca karya sastra yang terlalu banyak. Bebanan yang dipikul oleh murid-murid ini dianggap serius kerana mereka bukan sahaja perlu membaca teks-teks sastra bagi mata pelajaran KM, akan tetapi turut sedia dibebani dengan sejumlah besar teks sastra bagi Komponen Sastra dalam mata pelajaran bahasa Melayu (KOMSAS). Hal ini menurut Chew Fong Peng (2006: 148), bukan sahaja boleh membunuh minat murid-murid untuk membaca karya sastra, malah turut menanamkan “budaya benci” (ungkapan Chew Fong Peng) terhadap kesusasteraan Melayu. Chew Fong Peng juga beranggapan bahawa isi kandungan teks novel mata pelajaran KM termasuklah novel tidak bermutu. Pandangan Chew Fong Peng (2006: 148) ini diasaskan pada maklum balas responden dalam kajiannya, yang antaranya menyatakan bahawa kandungan “teks kesusasteraan Melayu itu sangat membosankan, terlalu berpusatkan dunia Melayu, terlalu dalam atau sukar difahami, terlalu panjang, dan ceritanya tidak menarik” [Garis ditambahkan]. Penelitian Chew Fong Peng ini jelas memperlihatkan bahawa teks novel yang digunakan dalam mata pelajaran KM menawarkan kandungan yang tidak berkualiti.

Seterusnya, pengamatan beralih kepada tulisan Mohd. Affandi Hassan (2008) yang membangkitkan soal pemilihan dan kualiti kandungan novel yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM. Kesilapan ini tegas Mohd. Affandi Hassan (2008: 127), berpunca dari pemahaman konsep sastra yang mengelirukan. Kesannya, panel pemilihan teks percaya bahawa karya sastra seperti novel yang memenangi hadiah atau anugerah penulisan merupakan karya yang bermutu tinggi, dan oleh itu wajar dijadikan sebagai bahan bacaan murid-murid di sekolah. Dengan mengambil contoh *Seorang Tua di Kaki Gunung* yang dijadikan teks mata pelajaran KM, Mohd. Affandi Hassan (2008: 128) menghujahkan bahawa kandungan novel tersebut memaparkan nilai manusia yang “angkuh, bodoh, dan biadab, keras kepala tidak bertempat, serta tidak matang, tidak mempunyai sifat-sifat belas kasihan, simpati, dan kebijaksanaan.” Oleh itu, Mohd. Affandi Hassan (2008: 127) menyimpulkan bahawa kandungan novel yang dipilih sebagai teks, “tidak terarah kepada pemikiran dan kecerdikan, sebaliknya ditumpukan kepada khayalan dan kekeliruan nilai dan konsep ilmu” [Garis ditambahkan].

Selain itu, Anwar Ridhwan (2012) yang merupakan Sasterawan Negara ke-10, turut membangkitkan tentang kualiti kandungan karya yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM. Pada hematnya, kandungan karya sastra yang dipilih bagi mata pelajaran KM termasuklah novel tidak bermutu, kerana dipilih secara semberono oleh para panel yang dianggapnya berfahaman cetek, seperti katanya berikut: “...pemilihan beberapa karya atau teks lain kelihatan agak sembarangan sahaja sehingga beberapa karya penulis muda, yang sesetengahnya amat kurang dikenal, turut terpilih. Hal ini memancarkan sikap pemahaman yang dangkal terhadap ‘peranan’ teks sastra sebenar dalam kalangan pemilih teks...” [Garis ditambahkan]. Dengan kata lain, kritikan Anwar Ridhwan ini menjelaskan pandangannya bahawa kualiti kandungan teks-teks sastra termasuklah novel yang dipilih oleh KPM adalah tidak berkualiti.

Selanjutnya, pertikaian mengenai kualiti kandungan teks sastra bagi mata pelajaran KM turut dibangkitkan beberapa sarjana sastra yang telah ditemu bual oleh Hafizah Iszahanid dalam artikelnya bertajuk “Kemelum Teks Sastra KOMSAS” (2011).

Antaranya, Fatimah Busu (dalam Hafizah Iszahanid, 2011: 26) yang berpandangan terdapat teks yang tidak layak dipilih kerana tidak memaparkan nilai moral yang dapat membantu pembentukan peribadi murid. A. Rahim Abdullah (dalam Hafizah Iszahanid, 2011: 26) pula berpandangan bahawa puisi yang terkandung dalam antologi *Anak Global* dan *Madu Ilmu* (kedua-dua teks antologi ini merupakan teks mata pelajaran KM) tidak sesuai dijadikan teks kerana mempunyai kelemahan diksi, nilai bahasa, dan logik budaya yang dangkal. Manakala, Hanafi Ibrahim (dalam Hafizah Iszahanid, 2011: 26) pula menganggap novel *Jeriji Kasih* yang dijadikan teks mata pelajaran KM mempunyai kualiti yang rendah. Adalah jelas bahawa ketiga-tiga sarjana yang ditemu bual rata-rata menganggap bahawa kandungan karya sastera termasuklah novel yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM tidak bermutu tinggi.

Pengamatan seterusnya beralih kepada dua kajian yang membincangkan soal kualiti kandungan novel *Jeriji Kasih* sebagai teks mata pelajaran KM. Dalam makalahnya, Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli (2009) mempertikaikan dakwaan KPM yang memperakukan novel *Jeriji Kasih* mengandungi “ilmu”. Hal ini kerana penelitian Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli mendapati bahawa penceritaan novel *Jeriji Kasih* tidak berteraskan “ilmu”, tetapi dibangunkan dengan kecenderungan untuk membikin cerita tentang kejahatan akhlak remaja, selain mengandungi babak-babak erotik yang tidak sewajarnya didedahkan kepada murid-murid. Walau bagaimanapun, kesimpulan berbeza diberikan oleh Siti Khariah Mohd. Zubir & Zaidi Ahmad (2014: 118) yang mendapati novel *Jeriji Kasih* sarat dengan “nilai-nilai moral Islam yang tinggi” (ungkapan Siti Khariah Mohd. Zubir & Zaidi Ahmad). Paparan nilai sedemikian terserlah menerusi watak utamanya, iaitu Anuariza yang disifatkan sebagai “model modal insan” (ungkapan Siti Khariah Mohd. Zubir & Zaidi Ahmad) dalam pelbagai dimensi kehidupan seperti ekonomi, sosial, pendidikan, keagamaan, dan memantapkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Siti Khariah Mohd. Zubir & Zaidi Ahmad, 2014: 117-118). Atas penilaian ini, Siti Khariah Mohd. Zubir & Zaidi Ahmad menyimpulkan bahawa novel *Jeriji Kasih* bukan sahaja menyampaikan nilai-nilai moral dan murni yang tinggi, malah berupaya menyumbang ke arah usaha untuk melahirkan individu yang berpegang kepada nilai-nilai pandangan hidup Islam dan berpekeri mulia.

Selanjutnya, pengamatan kajian beralih kepada beberapa tulisan sarjana sastera yang berbeza pandangan dalam menilai kualiti kandungan novel *Naratif Ogonshoto*, termasuk pemilihannya sebagai teks mata pelajaran KM. Tulisan Umar Junus (2001) dan Awang Azman Awang Pawi (2006) didapati senada dalam memperakukan kualiti novel *Naratif Ogonshoto* yang dikatakan mengandungi pemikiran yang tinggi. Merujuk kepada hal ini, Umar Junus (2001) berpandangan bahawa *Naratif Ogonshoto* merupakan sebuah novel yang bertunjangkan “pemikiran” (ungkapan Umar Junus) dan isi kandungannya berupaya untuk mendorong pembaca untuk berfikir. Begitu juga Azman Awang Pawi, yang menganggap bahawa *Naratif Ogonshoto* mengandungi “ilmu” yang dikaitkan dengan wacana politik. Dapat dikatakan bahawa perakuan kedua-dua sarjana ini dapat memperkukuhkan pemilihan *Naratif Ogonshoto* sebagai teks mata pelajaran KM.

Bertentangan dengan pandangan Umar Junus dan Awang Azman Awang Pawi, kualiti kandungan *Naratif Ogonshoto* sebagai teks mata pelajaran KM telah dipertikaikan secara tegas oleh Mohd. Affandi Hassan (2014, 2017). *Naratif Ogonshoto* tegas Mohd. Affandi, memaparkan secara berleluasa cerita tentang kejahatan para pemimpin yang tidak

bermoral sehingga nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam menjadi begitu menonjol. Justeru, beliau mempertikaikan keputusan KPM yang memilih *Naratif Ogonshoto*, meskipun Panel Anugerah Sastera Negara menganggap novel tersebut memperlihatkan kelebihan sendiri, antaranya “padat dengan misteri, ilmu sihir, firasat, mitos dan simbolisme itu masih berakar pada realiti dunia” (Mohd. Affandi Hassan, 2014), sebagaimana yang ditulisnya:

“Tetapi dari segi psikologi pendidikan, juga dari segi pendidikan moral yang diajarkan oleh Islam, para pelajar harus diajar nilai-nilai moral yang baik secara langsung dan positif, tidak melalui pendekatan negatif, jika itulah yang difikirkan oleh Kementerian, dengan mengajar murid-murid bagaimana kejahatan dilakukan oleh para pemimpin dan mereka kemudian diberitahu supaya tidak mengikut atau menjadikan contoh kelakuan para pemimpin yang jahat dan zalim itu, yang amat ditekankan dalam novel *Naratif Ogonshoto* ini.”

(Mohd. Affandi Hassan, 2014)

Dengan asas sedemikian, Mohd. Affandi Hassan menegaskan bahawa pemilihan teks *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan merupakan satu “kesilapan yang besar” (ungkapan Mohd. Affandi Hassan) oleh pihak KPM, kerana novel tersebut dianggapnya hanya sebuah “novel picisan” (ungkapan Mohd. Affandi Hassan), dan sama sekali tidak sesuai dijadikan teks mata pelajaran KM (Mohd. Affandi Hassan, 2017). Kritikan Mohd. Affandi Hassan ini dengan jelas memperlihatkan bahawa novel *Naratif Ogonshoto* yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM tidak mempunyai kandungan yang menawarkan pemikiran yang tinggi, selain turut memperagakan nilai-nilai negatif yang bertentangan dengan Islam.

Perbincangan pada tahap ini berusaha untuk menjelaskan bahawa soal pemilihan teks mata pelajaran KM terutamanya genre novel, telah mengundang polemik dan pertikaian yang serius dalam kalangan sarjana, pengkaji, dan pengkritik sastera. Polemik dan pertikaian ini antaranya berlegar pada soal kualiti kandungan teks novel mata pelajaran KM. Hal ini dengan sendirinya mencetuskan suatu permasalahan yang mengundang kepada satu pengkajian ilmiah yang serius dan sistematik.

1.3 Permasalahan Kajian

Sorotan terhadap beberapa kajian-kajian ilmiah sedia ada menyerlahkan permasalahan yang ketara berkaitan teks novel mata pelajaran KM. Pertikaian yang dibangkitkan oleh para sarjana, pengkaji dan pengkritik sastera pada dasarnya berpusat kepada soal kualiti kandungan teks novel mata pelajaran KM. Pertikaian ini dapat diajukan sebagai satu permasalahan kerana novel-novel yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM pada asasnya dianggap sebagai bahan pengajaran yang dapat mengandungi “ilmu” dan “nilai” yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menunjangi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu (SPKM).

Lanjutan daripada pemahaman di atas, dalam konteks pertikaian berkaitan kualiti kandungan teks-teks mata pelajaran KM, kajian-kajian ilmiah sedia ada pula menyerlahkan dua kutub pandangan yang saling bertentangan terhadap novel mata pelajaran KM yang dikaji. Kesenjangan pandangan ini tertumpu kepada soal “ilmu” dan “nilai” yang mendasari kandungan teks novel mata pelajaran KM. Kutub pertama memperakukan bahawa kandungan novel yang dipilih mempunyai berkualiti yang antaranya bertepatan dengan matlamat pendidikan negara, mengandungi “ilmu” atau “pemikiran”, dan sarat dengan nilai-nilai murni, sebagaimana yang dianggap oleh Umar Junus (2001), Chew Fong Peng (2002), Awang Azman Awang Pawi (2006), dan Siti Khariah Mohd. Zubir & Zaidi Ahmad (2014). Manakala, kutub kedua pula beranggapan sebaliknya, iaitu kandungan teks novel mata pelajaran KM tidak berkualiti kerana tidak mengandungi “ilmu” dan memperagakan nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam dan skema moral sejagat yang diperakukan dan menjadi asas pembentukan FPK, KBSM, dan SPKM, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Othman Puteh (1989), Rahman Shaari (1998), Hanapiah Sudin (1993), Awang Had Salleh (2000), Abdullah Puteh (2001), M. Jasni Majed (2001), Chew Fong Peng (2006), Mohd. Affandi Hassan (2008, 2014, 2017), Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli (2009), Hanafi Ibrahim (dalam Hafizah Iszahanid, 2011), dan Anwar Ridhwan (2012). Kajian ini menghujahkan bahawa pertentangan antara dua kutub pandangan yang saling berlawanan ini menyerlahkan adanya permasalahan berkaitan mutu atau kualiti kandungan teks novel mata pelajaran KM.

Selain itu, sorotan terhadap kajian-kajian ilmiah sedia ada berkaitan novel-novel yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM hanya ditangani secara terpenggal, dengan menjadikan sebuah novel sebagai teks kajian. Kajian-kajian ilmiah sedia ada ini pula sebahagian besarnya terbit dalam makalah, bab dalam buku, dan kertas kerja konferensi. Korpus penyelidikan yang sedemikian, dengan sendirinya menuntut kehadiran satu kajian ilmiah yang komprehensif, yang dapat dilaksanakan dalam sebuah tesis pada tahap doktorat, yang secara kritis meneliti serta menilai kualiti kandungan novel-novel teks mata pelajaran KM.

Sejajar dengan permasalahan kajian yang dibahasakan di atas, adalah wajar kajian ini dilaksanakan untuk meneliti kandungan teks-teks novel mata pelajaran KM. Dengan mengambil kira soal kualiti kandungan (ilmu dan nilai) yang menjadi asas permasalahan kajian ini, kajian ini akan menerapkan gagasan Persuratan Baru (PB) yang berpaksikan Islam sebagai kerangka analisis kajian. Ini kerana PB menjadikan “ilmu” dan “nilai” sebagai antara dasar penting yang menunjangi falsafahnya. Perbincangan yang lebih lanjut mengenai PB sebagai kerangka teori kajian akan dihuraikan secara meluas dalam Bab 3 nanti.

1.4 Persoalan Kajian

Permasalahan kajian yang telah dihujahkan di atas pada dasarnya telah membangkitkan beberapa persoalan penting, antaranya:

- i. Apakah isi kandungan teks novel mata pelajaran KM berdasarkan Gagasan Persuratan Baru?

- ii. Adakah nilai-nilai yang dimanifestasikan dalam teks novel mata pelajaran KM selaras dengan prinsip “*Taklif*” dalam Gagasan Persuratan Baru?
- iii. Apakah nilai kandungan teks-teks novel mata pelajaran KM berdasarkan Gagasan Persuratan Baru?

1.5 Objektif Kajian

Dengan permasalahan serta persoalan yang diutarakan di atas, kajian ini menggariskan tiga objektif, iaitu:

- i. Menganalisis kandungan teks novel mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berdasarkan Gagasan Persuratan Baru;
- ii. Menghuraikan nilai yang dimanifestasikan dalam kandungan teks novel mata pelajaran kesusasteraan Melayu berdasarkan prinsip “*Taklif*” dalam Gagasan Persuratan Baru;
- iii. Menilai kandungan teks novel mata pelajaran KM berdasarkan Gagasan Persuratan Baru.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Dalam usaha mencapai Objektif-objektif Kajian dan merungkaikan Permasalahan Kajian, kajian ini menetapkan skop atau batasannya. Pertama, memandangkan pelaksanaan mata pelajaran KM mengguna pakai pelbagai genre karya sastera, maka kajian ini membataskan penelitian hanya kepada genre novel sahaja. Batasan ini mengambil kira pertikaian terhadap novel-novel yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM, sebagaimana yang terserlah dalam permasalahan kajian yang dijelaskan di atas.

Kedua, kajian ini akan membataskan penelitian hanya kepada aspek kandungan novel sahaja. Ini bermakna beberapa aspek lain yang melingkari teks novel mata pelajaran KM seperti prosedur dan kriteria pemilihan teks novel mata pelajaran KM tidak menjadi fokus penelitian kajian ini. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai kriteria prosedur dan kriteria pemilihan teks novel mata pelajaran KM hanya akan disentuh dan dibangkitkan bagi tujuan perbincangan tertentu dalam kajian ini.

Ketiga, memandangkan mata pelajaran KM sudah dilaksanakan dari tahun 1957 hingga kini, dan telah mengalami perubahan dari sudut falsafah, kurikulum, serta sukatan pelajarannya, maka kajian ini memilih untuk membataskan skop kajian hanya kepada sukatan pelajaran KM yang berlandaskan KBSM yang berpaksikan FPK. Batasan skop kajian ini mengambil kira faktor keseragaman falsafah serta matlamat yang ditetapkan dalam sesuatu kurikulum pendidikan di peringkat pendidikan menengah, selain sukatan pelajaran KM itu sendiri. Penting untuk ditegaskan bahawa setiap kurikulum pendidikan serta sukatan pelajaran KM yang dibina oleh KPM mempunyai matlamat serta penekanan kandungan kurikulum yang berbeza pada periode masa tertentu. Justeru, Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tidak akan disentuh dalam perbincangan kajian ini, melainkan

dibangkitkan pada bahagian tertentu. Batasan ini sekali gus menjadikan skop kajian ini dipusatkan hanya kepada novel-novel yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM menerusi pelaksanaan KBSM yang berpaksikan FPK. Seajar dengan pembatasan ini, novel yang digunakan di bawah pelaksanaan KLSM dan KSSM tidak akan terangkum dalam skop kajian ini.

1.7 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah penting yang memerlukan kepada pentakrifan bagi memastikan perbincangan dan penghujahan dalam kajian ini dapat difahami dengan jelas.

1.7.1 Penilaian

Secara umumnya istilah penilaian kandungan merupakan istilah gabungan yang terdiri daripada dua kata iaitu penilaian dan kandungan. Penilaian secara harfiahnya bermaksud “perihal atau perbuatan menilai” (*Kamus Dewan*, 2005: 1081). Terkait dengan pemahaman ini, “menilai” pula sebagai mana yang ditakrifkan menurut *Kamus Dewan* (2005: 1081) merujuk kepada “menentukan nilai, mentaksirkan atau menghargai”. Dalam bahasa Inggeris, istilah penilaian disamaertikan dengan istilah *evaluation* yang bermaksud “the process of judging or calculating the quality, importance, amount, or value of something” (*Cambridge Dictionary*, 2022). Berdasarkan pemahaman ini, penilaian dalam konteks kajian ini bermaksud kegiatan menentukan kualiti atau mutu atau nilai kandungan teks novel mata pelajaran KM berdasarkan Gagasan Persuratan Baru.

1.7.2 Kandungan

Seperti yang dicatatkan dalam *Kamus Dewan* (2004: 669, kandungan bermaksud “sesuatu yang dikandung oleh sesuatu yang lain” atau “apa yang termuat (di dalam sesuatu)” atau “isi”. Dalam konteks kajian ini yang memanfaatkan PB sebagai kerangka analisis, “kandungan” merujuk kepada idea, maklumat serta nilai yang dijadikan sebagai isian dalam sesuatu novel yang diwakili oleh “Paksi Naratif”, “Ruang Naratif”, “Isian Wacana”, “Isian Cerita”, dan “*Taklif*”.

1.7.2.1 Paksi Naratif

“Paksi Naratif” merujuk kepada idea dasar atau idea utama yang menunjangi sesuatu cerita secara keseluruhannya. Sebagaimana yang ditakrifkan oleh PB, “Paksi Naratif” dapat dikonsepsikan sebagai pendirian utama yang menyerlahkan pandangan, tanggapan, dan kecenderungan sesuatu teks (novel) terhadap sesuatu idea atau persoalan yang digarap sepenuhnya dalam keseluruhan penceritaan (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2004). Sesuai dengan takrifan ini, “Paksi Naratif” beroperasi sebagai alat analisis bagi

mengenal pasti idea dasar atau idea utama novel yang mempengaruhi nilai-nilai yang terjelma dalam teks mata pelajaran KM yang dikaji.

1.7.2.2 Ruang Naratif

“Ruang Naratif” merujuk kepada ruang yang terbentuk antara bahagian permulaan cerita dengan bahagian pengakhiran cerita. Sebagaimana yang ditakrifkan oleh PB, “Ruang Naratif” (yang terbentuk ini) boleh diisi, dengan “Isian Cerita” atau “Isian Wacana” (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2007; Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani, 2008). Sesuai dengan takrifan ini, “Ruang Naratif” beroperasi dalam kajian ini sebagai alat analisis bagi mengenal pasti isi kandungan yang mengisi ruang yang terbentuk antara bahagian permulaan cerita dengan bahagian pengakhiran cerita. Isi kandungan (“Isian Wacana” & “Isian Cerita”) yang mengisi “Ruang Naratif” ini memainkan peranan dalam mendukung “Paksi Naratif”. Ini bererti, nilai-nilai (terjelma dalam novel) yang dipengaruhi oleh “Paksi Naratif” akan turut melibatkan penggabungan isi kandungan (“Isian Wacana” & “Isian Cerita”) yang mengisi “Ruang Naratif” teks mata pelajaran KM dikaji.

1.7.2.3 Isian Wacana

“Isian Wacana” merujuk kepada idea pengarang. Sebagaimana yang ditakrifkan oleh PB, “Isian Wacana” terbina daripada hujah intelektual pengarang yang dibangunkan secara ilmiah menerusi huraian dan penghujahan yang mantap (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2010: 401). “Isian Wacana” inilah yang menjadi isian yang mengisi “Ruang Naratif” sesebuah novel. Sesuai takrifan ini, “Isian Wacana” dalam kajian ini beroperasi sebagai alat analisis bagi mengenal pasti idea pengarang yang hadir dalam bentuk wacana, iaitu hujah ilmiah yang dibangunkan daripada analisis dan pengukuhan serta pembuktian hujah berasaskan dalil atau contoh yang akhirnya disimpulkan dalam satu rumusan yang jelas. “Ruang Naratif” yang diisi dengan “Isian Wacana” menyerlahkan keutamaan novel terhadap “Ilmu”.

1.7.2.4 Isian Cerita

“Isian Cerita” merujuk kepada cerita. Sebagaimana yang ditakrifkan oleh PB, “Isian Cerita” terbina melalui manipulasi alat-alat penceritaan seperti watak dan plot, yang dimanipulasi bagi tujuan mencetus, mengembang, dan mengekalkan perjalanan cerita dari mula hingga akhir novel (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2010: 401). Sesuai dengan takrifan ini, “Isian Cerita” dalam kajian beroperasi sebagai alat analisis bagi mengenal pasti “Cerita” dalam sesebuah novel yang merangkumi manipulasi aspek watak dan plot. Dalam pembinaan cerita, aspek Watak merujuk kepada “pelaku atau tokoh rekaan yang memegang peranan dalam cereka”, manakala aspek Plot pula merujuk kepada “susunan peristiwa-peristiwa dalam sebuah cerita bagi karya-karya sastera berbentuk cereka” (Hashim Awang, 1987: 75, 96). Pengisian “Isian Cerita” dalam “Ruang Naratif” adalah dipengaruhi oleh “Paksi Naratif” yang menjadi pilihan seseorang novelis. Ini bererti, nilai-nilai yang terjelma dalam teks mata pelajaran KM yang dipengaruhi oleh “Paksi

Naratif”, turut diwarnai oleh “Isian Cerita”. “Ruang Naratif” yang diisi dengan “Isian Cerita” menyerlahkan keutamaan novel terhadap “Cerita”.

1.7.2.5 Taklif

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, PB menawarkan falsafah “*Taklif*” sebagai alat analisis yang dapat digunakan untuk menentukan nilai yang dimanifestasikan dalam sesebuah karya sastra. “*Taklif*” merujuk kepada “kebertanggungjawaban manusia untuk melaksanakan janjinya kepada Pencipta iaitu dengan beribadah” (Mohd. Affandi Hassan, 1992). Sesuai dengan takrifan ini, “*Taklif*” beroperasi sebagai alat analisis bagi menentukan nilai dalam novel yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM. Penentuan ini dimulakan dengan menganalisis isi kandungan novel, dan seterusnya mengenal pasti nilai yang terserlah dalam teks dengan mengguna pakai alat-alat analisis seperti “Paksi Naratif”, “Ruang Naratif”, “Isian Wacana”, dan “Isian Cerita”. Nilai-nilai yang telah dikenal pasti itu kemudiannya akan diukur menggunakan falsafah “*Taklif*”, yang sekali gus menentukan nilai yang dimanifestasikan dalam novel berdasarkan Persuratan Baru.

1.7.3 Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu

Sebagaimana yang ditakrifkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2003a), “Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu” dalam kajian ini merujuk kepada karya asal yang dihasilkan menggunakan bahasa Melayu berunsurkan “keindahan dan kehalusan” (istilah KPM) untuk menyampaikan “nilai kemanusiaan” (istilah KPM) yang berupaya memperkukuhkan daya intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sesuai dengan pemahaman ini, “Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu” merupakan teks yang telah dipilih secara rasmi oleh KPM sebagai bahan pendidikan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KM. Sebagaimana yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, novel mata pelajaran KM ini yang dipilih secara teliti bagi menjamin kualiti kandungannya (Ghazali Lateh, 2019; Ramlah Abd. Rashid, 2019; Anwar Ridhwan 2014). Selaras dengan proses pemilihan tersebut, “Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu” bukanlah karya yang asal, melainkan teks yang telah disunting oleh KPM dan dizahirkan dalam bentuk Edisi Murid/Pelajar. Ketelitian dalam pemilihan “Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu” dilaksanakan KPM bagi memastikan isi kandungannya bertepatan matlamat pendidikan KM iaitu “membolehkan murid-murid menjiwai nilai-nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan.” (Ghazali Lateh, 2019; Ramlah Abd. Rashid, 2019; Anwar Ridhwan 2014). Tidak sekadar itu, KPM turut memperakukan bahawa “Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu” mengandungi maklumat dan isian yang dapat menyokong usaha “pemupukan ilmu, kemahiran dan nilai” (istilah KPM) bagi memperkukuhkan daya intelek dan pembentukan sahsiah murid-murid.

1.8 Organisasi Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini direncanakan kepada lima bab. Bab 1 diperuntukkan untuk menyediakan pemahaman asas yang mendasari kajian ini. Pemahaman ini terkandung dalam perbincangan mengenai Polemik Pemilihan Teks Mata Pelajaran KM, Permasalahan Kajian, Objektif Kajian, Pendekatan Kajian dan Kerangka Analisis, Skop Kajian dan Pemilihan Bahan Kajian, Definisi Operasional, serta Kepentingan Kajian.

Seterusnya, Bab 2 dimanfaatkan untuk perbincangan mengenai sorotan kajian lepas mengenai kedudukan serta peranan teks novel mata pelajaran KM yang tertakluk sepenuhnya kepada dasar-dasar pendidikan kebangsaan. Oleh itu, perbincangan sorotan kajian-kajian lepas ini meliputi FPK, KBSM, SPKM serta kriteria-kriteria pemilihan teks novel mata pelajaran KM. Terangkum dalam Bab 2 ini juga adalah perbincangan sorotan kajian lepas tentang resepsi kritis para sarjana, pengkaji, dan pengkritik sastera terhadap lima novel telah dipilih sebagai teks mata pelajaran KM. Selain itu, sorotan kajian lepas mengenai kajian-kajian yang memanfaatkan Gagasan Persuratan Baru (PB) sebagai kerangka analisis kajian turut dibincangkan.

Bab 3 pula diperuntukkan secara khusus bagi membincangkan tentang metodologi kajian termasuklah perbincangan mengenai PB yang dipilih sebagai kerangka analisis. Untuk itu, perbincangan pada bab ini merangkumi penjelasan tentang reka bentuk kajian, justifikasi pemilihan PB sebagai kerangka analisis, penentuan dan pemilihan bahan kajian serta prosedur pelaksanaan kajian. Perbincangan dalam Bab 3 ini juga akan lebih memfokus kepada falsafah dan prinsip yang menunjangi PB yang merangkumi “Hakikat Insan”, “Hakikat Ilmu dan Amal”, dan “Hakikat dan Fungsi Sastera”. Penjelasan ini penting bagi memahami konteks kehadiran alat-alat analisis yang ditawarkan oleh PB seperti “Paksi Naratif”, “Ruang Naratif”, “Isian Wacana”, “Isian Cerita”, dan “*Taklif*”. Alat-alat analisis ini akan diterapkan bagi menganalisis teks-teks kajian.

Selanjutnya, Bab 4 kajian ini dikhususkan untuk menganalisis teks-teks kajian iaitu novel-novel Melayu yang telah dipilih sebagai teks mata pelajaran KM. Bagi menganalisis teks yang dikaji, kajian ini menerapkan alat-alat analisis PB. Analisis dalam bab ini penting bagi merealisasikan Objektif-objektif Kajian yang telah digariskan pada awal kajian.

Pada bahagian terakhir dalam kajian ini iaitu Bab 5 pula, diperuntukkan untuk merumuskan kembali hasil-hasil analisis yang telah dilakukan terhadap teks-teks kajian. Bab ini penting bagi memperlihatkan bagaimana hasil-hasil analisis yang diperolehi telah dapat merealisasikan Objektif-objektif Kajian dan sekali gus menjawab Persoalan Kajian.

1.9 Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan kajian ini dapat menyumbang dalam memperkayakan lagi korpus penyelidikan ilmiah dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia secara umumnya, dan secara khususnya dalam lapangan pendidikan kesusasteraan Melayu.

Diharapkan juga agar kajian ini dapat menyumbang dalam memperbanyakkan lagi korpus penyelidikan ilmiah dalam lapangan pendidikan kesusasteraan Melayu, khususnya berkaitan usaha penyelidikan yang memanfaatkan kerangka analisis yang bercorak universal seperti Persuratan Baru sebagai alternatif dalam menilai teks-teks mata pelajaran KM dari pelbagai genre lain.

Selain itu, adalah diharapkan kajian ini dapat menyumbang dalam memperkayakan lagi korpus penyelidikan ilmiah dalam lapangan pendidikan kesusasteraan Melayu, khususnya berkaitan usaha mempertingkatkan mutu serta kualiti kandungan novel-novel mata pelajaran KM.

RUJUKAN

- A. Wahab Ali. (1991). *The Emergence of the Novel in Modern Indonesian and Malaysia Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Wahab Ali. (1992, April). Persoalan di Sebalik Pemilihan Novel untuk Pendidikan Kesusasteraan. *Dewan Sastera*, 11-12.
- A. Wahab Ali. (2009). *Kesusasteraan Melayu dalam Bandingan dan Pendidikan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ab. Aziz Haji Omar. (2011, September 22). Tema dan persoalan-persoalan novel *Dari Lembah Ke Puncak* (Ghazali Lateh). Dicapai dari <http://azmar-pb.blogspot.com/2011/09/tema-dan-persoalan-persoalan-novel-dari.html>
- Ab. Rahman Ab. Rashid *et al.* (2001). *Kajian Informatif Kesusasteraan Melayu SPM: Novel Restu*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Abu Bakar Nordin. (1993). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. dalam Adnan Kamis (Pyt.) *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Aroff & Zakaria Kasa. (1992). *Falsafah dan Konsep Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-Konsep Asas dan Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Raof Dalip. (1993). Peranan Pendidikan Sepadu Membentuk Ummah dan Masyarakat: Teras KBSM. Dalam Adnan Kamis (Pyt.), *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas* (hlm. 19-34). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Sanusi Ahmad. (1966). *Peranan Pejabat Karang Mengarang dalam Bidang2 Pelajaran Sekolah2 Melayu dan Kesusasteraan di-Kalangan Orang Ramai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Kamis. (1993). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Hassan Karim Haji Ab Karim. (1994). *Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Kesusasteraan Melayu: Suatu Analisis Terhadap Novel Mereka Yang Tertewas*. (Latihan Ilmiah Ijazah Bachelor Pendidikan). Universiti Pertanian Malaysia.

- Abdul Shukur Ahmad Shaghir. (1994). *Beberapa Buah Novel Berunsur Islam Dekad 1990-80: Satu Perbandingan – Novel Mereka Yang Tertewas*. (Latihan Ilmiah Ijazah Bachelo Pendidikan). Universiti Pertanian Malaysia.
- Abdullah Puteh. (2001, Jun 23). Kecelaruhan Tempat dalam Teks *Restu*. *Berita Harian*, 9.
- Ahmad Muhammad Said. (1991). Reformasi Pendidikan: Rasional, Falsafah dan Strategi. Dalam Mohd. Idris Jauzi (Pjt.), *Reformasi Pendidikan di Malaysia* (hlm. 1-16). Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Ahmad Muṣṭafā al-Marāghiy. (2001). *Tafsīr al-Marāghiy*. (Pjt.) Muhammad Thalib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid 1-15.
- Ainul Bashirah Ismail, Zuliza Mohd Kusrin & Mat Noor Mat Zain. (2012). Kesalahan Khalwat dan Perbuatan Tidak Sopan dan Hukumannya Menurut Islam. *Jurnal Hadhari*, 4(2): 65-88.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1977a). Preliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and Aims of Education. Dalam S.M.N. al-Attas (Pjt.), *Aims and Objective of Islamic Education* (hlm. 19-47). London: Hodder & Stoughton.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1977b). *Islām: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1978). *Islam and Secularism*. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1980). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1991). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization (ISTAC).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization (ISTAC).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2002). *Ma'na Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam*. (Pjt.) Muhammad Zainiy Uthman. Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization (ISTAC).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2007). *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- al-Imam Muslim. (2007). *Terjemah Hadis Shahih Muslim*. (Ptrj.) Ma'mur Daud. Klang: Klang Book Centre.
- al-Imam al-Bukhari. (2017). *Al-Adab Al-Mufrad dan Terjemahan Himpunan Hadits Mengenai Adab*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Ali Haji Ahmad. *Falsafah Pendidikan Kesusasteraan*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Sastera dalam Pendidikan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Julai 1989.
- Andy Xavier. (2020, November 8). *What Is Textual Analysis?*. Dicapai dari <https://www.scientific-editing.info/blog/what-is-textual-analysis/>
- Angeline Sebin. (2002). *Unsur-unsur Pengajaran dalam Novel Restu karya Ismail Kassan dan Kesannya kepada Perkembangan Sahsiah Pelajar: Satu Tinjauan Terhadap Sekolah-Sekolah di Bahagian Pantai Barat Selatan*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kesusasteraan Melayu). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Anwar Ibrahim. (1989). *Menangani Perubahan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Anwar Ridhwan. (2012). Perjuangan Penulis Muda: Arah dan Cabaran. Dalam Mohamad Saleeh Rahamad, Saifullizan Yahya, Muhammad Lutfi Ishak et.al., *Perjuangan Penulis Muda: Arah dan Cabaran* (hlm. 9-32). Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional Malaysia.
- Anwar Ridhwan. (2014). *Naratif Ogonshoto: Novel Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan Pertama.
- Asiah Abu Samah. (1982, Jun). Perkembangan Sastera Kebangsaan: Peranan Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi. *Dewan Sastera*, 28-29.
- Asmiaty Amat & Zanariah Abdol. (2014). *Apresiasi Sastera: Novel Jeriji Kasih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long. (1977). Kedudukan Kesusasteraan dalam Sistem Pelajaran Malaysia. Dalam Mohd. Taib Osman (Pyt.), *Pengajaran Bahasa & Kesusasteraan Malaysia* (hlm. 184-190). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Awang Had Salleh. *Sastera dalam Pendidikan*. Kertas Kerja Dasar yang dibentangkan di Seminar Sastera Dalam Pendidikan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Julai 1989.
- Awang Had Salleh. (2000). Beberapa Persoalan Penting dalam Pengajaran Sastera. Dalam Othman Puteh (Pygr.) *Pengajaran Sastera* (hlm. 1-8). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Azman Awang Pawi. (2009, Oktober). Antara Cerita, Kuasa dengan Ilmu. *Dewan Sastera*, 43-48.

- Baalbaki, M. (1997). *Al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary*. Beirut: Dar El Ilm Lil Malayen.
- Barret, A.A. (2015). *Caligula: The Abuse of Power*. Park Square: Routledge
- Cambridge Dictionary Online. (2021, Januari, 17). *Corrupt*. Dicapai dari <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/corrupt>
- Che Ruzzi Wani Che Yusoff. (2002). *Teori Takmilah: Analisis ke Atas Novel Mereka Yang Tertewas*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media). Universiti Malaya.
- Che Samrah Sarif. (2022). *Kekuatan Rohani dan Intelek Watak Utama dalam Novel Restu Karya Ismail Kassan Sebagai Contoh Pembentukan Peribadi Pelajar Lelaki Yang Baik*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Chew Fong Peng. (2002, Februari 6). Melayu Baru dalam Novel *Restu*. *Utusan Malaysia*.
- Chew Fong Peng. (2006). Permasalahan Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 21: 62-70.
- Chew Fong Peng. (2008). *Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Dzulkifli Abdul Razak & Rosnani Hashim (Pyt.) *Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Elizatul Nastaysah Kamaruddin. (2016). *Representasi Watak Wanita dalam Karya Sastera Melayu Moden berdasarkan Kerangka Taklif*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Farizah Hanim & Sairi Adenan. *Kurikulum Kesusasteraan Melayu dan Hala Tuju. Dalam Sohaimi Abdul Aziz (Pygr.)*, Prosiding Seminar Kebangsaan Pelajaran Kesusasteraan dalam Pendidikan Negara Anjuran Persatuan Karyawan Pulau Pinang dengan kerjasama Bahagian Kesusasteraan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka. Disember 2013.
- Fazlur Rahman. (1999). *Major Themes of the Qur'ān*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust. Edisi Kedua.
- Ghazali Lateh. (2009). *Dari Lembah ke Puncak: Novel Kesusasteraan Melayu KBSM Tingkatan 4 & 5*. Shah Alam: Cerdik Publications. Sdn. Bhd.
- Ghazali Lateh. (2007, Ogos 11). Memulakan projek penulisan baharu. Dicapai dari <https://glateh.blogspot.com/2007/08/memulakan-projek-penulisan-baharu.html>

- Hafizah Iszahanid. (2012, April 5). Kemelut teks sastera KOMSAS. *Berita Harian*, 26.
- Hanapiah Sudin. (1993). *Pendidikan Sastera dalam KBSM: Panduan untuk Guru*. Ulu Kelang: Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Harliana Mohd. Arifin. (1998). *Mereka Yang Tertewas dan Mereka Yang Tertewas 2 Sebagai Novel Islam*. (Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Muda Sastera). Universiti Malaya.
- Hassan Baseri Budiman. (Jun 2007). Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tidak Relevan Lagi?. *Dewan Sastera*, 33-35.
- Hassan Alias. (Disember 2002). Saya Mengimpikan Karya Bertaraf Antarabangsa. *Dewan Sastera*, 6-9.
- Hasanuddin Md. Isa. (1994). *Mereka Yang Tertewas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia. Cetakan Keempat.
- Hasanuddin Md. Isa. (2011, Ogos 15). Novel Mereka Yang Tertewas. Dicapai dari <http://dilorongkehidupan.blogspot.com/2011/08/novel-mereka-yang-tertevas.html>
